

IMBRe UUM Buat Lawatan Lokasi Ke Jabatan Taman Laut Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 07 Julai 2011 13:03

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

7 JULAI 2011/5 SYAABAN 1432H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IMBRe UUM Buat Lawatan Lokasi Ke Jabatan Taman Laut Malaysia



UUM ONLINE: Institut Penyelidikan Pengurusan dan Perniagaan (IMBRe) UUM telah mengadakan lawatan ke Pulau Payar Marine Park pada 29-30 Jun lalu bagi projek kajian penyelidikan bersama pihak Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) di bawah pembiayaan geran penyelidikan JTLM.

Lawatan ke lokasi yang diadakan ini adalah bertujuan untuk menjalankan penyelidikan dengan lebih terperinci di samping mengenali serta memahami kerjasama penyelidikan tersebut.

Seramai 16 orang pensyarah terdiri daripada pelbagai bidang seperti bidang pemasaran, pengurusan operasi, pengurusan teknologi, pengurusan perniagaan dari *College of Business* (UUM COB) terlibat dalam memantapkan lagi penyelidikan ini.

Penyelidikan yang dijalankan ini meliputi dua sektor iaitu sektor ekonomi dan sektor keberkesanan pengurusan.

Hal ini adalah selaras dengan saranan Universiti untuk mengadakan kolaborasi dengan organisasi kerajaan dan swasta dalam menghasilkan kajian yang berimpak tinggi untuk pembangunan negara.